



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL, EHVAL, PELAJAR DAN ALUMNI)

DEPUTY VICE-CHANCELLOR  
(STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI)

Pusat Hal Ehwal Pelajar  
Tel.: 06-798 6163/ 6190

Ruj. Kami: USIM.100-1/7/11 ( 6 )  
Tarikh: 11 Safar 1447/ 5 Ogos 2025

## SENARAI EDARAN SEBAGAIMANA LAMPIRAN 1

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

### GARIS PANDUAN PENERAPAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (iNaQ) DALAM AKTIVITI PELAJAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-967 Bil. 25/2025 yang bersidang pada 22 Julai 2025 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Penerapan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) Dalam Aktiviti Pelajar USIM **berkuatkuasa mulai 22 Julai 2025**.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Penerapan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) Dalam Aktiviti Pelajar USIM sebagai maklumat dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dan seterusnya untuk dipanjangkan kepada semua staf, badan pelajar dan pelajar di bawah seliaan masing-masing. Garis panduan tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman web Pusat Hal Ehwal Pelajar.

4. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini, YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan boleh merujuk kepada Seksyen Kepimpinan, Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar, Pusat Hal Ehwal Pelajar di talian 06-798 6163/ 6190/ 6101 atau melalui emel [sharrazmi@usim.edu.my](mailto:sharrazmi@usim.edu.my) / [pengarah.hep@usim.edu.my](mailto:pengarah.hep@usim.edu.my).

Segala kerjasama dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PROFESOR MADYA DR. MUSHADDAD HASBULLAH)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Sains Islam Malaysia

- s.k.: i. Penasihat Badan Pelajar  
ii. Pengerusi/Presiden Badan Pelajar

**Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa**

**Knowledgeable, Disciplined and Devout**



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia  
Tel: (+6)06 - 798 8017 | Faks : (+6)06-799 1309 | [www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)



**GARIS PANDUAN PENERAPAN INTEGRASI  
ILMU NAQLI DAN AQLI (iNaQ)  
DALAM AKTIVITI PELAJAR  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**PENERAPAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (iNaQ)  
DALAM AKTIVITI PELAJAR  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan penerapan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dalam aktiviti pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia.

**2. PENDAHULUAN**

2.1 Garis panduan ini digubal berteraskan lima (5) Maqasid Shariah iaitu Pemeliharaan Agama (Hifz Al-Din), Pemeliharaan Nyawa (Hifz Al-Nafs), Pemeliharaan Akal (Hifz Al-Aql), Pemeliharaan Keturunan (Hifz Al-Nasl) dan Pemeliharaan Harta (Hifz Al-Mal).

2.2 Selaras dengan Falsafah USIM iaitu Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu, penerapan integrasi ilmu Naqli dan Aqli bukan sahaja perlu diaplikasikan dalam kurikulum akademik malah diterapkan juga dalam aktiviti pembangunan pelajar.

2.2 Falsafah USIM yang mengangkat martabat Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli ini adalah mendukung kesemua ilmu tradisional dan moden demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

2.3 Garis panduan ini mendukung hasrat USIM dalam melahirkan mahasiswa yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan dan pada masa yang sama berpegang teguh dengan prinsip beragama dan mematuhi prinsip syariah dan nilai-nilai Islam.

**3. OBJEKTIF**

3.1 Melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam usaha melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta

memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

- 3.2 Membentuk insan yang holistik, seimbang dan berdaya saing global selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) melalui gabungan ilmu wahyu (Naqli) dan ilmu akal (Aqli) yang cemerlang dalam bidang akademik serta berpegang teguh dengan prinsip beragama dan mematuhi prinsip syariah dan nilai-nilai Islam.
- 3.3 Membudayakan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli agar selaras dengan falsafah USIM dalam melahirkan pelajar yang mentaati perintah Allah SWT berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.
- 3.4 Memberi kefahaman kepada pelajar USIM berkenaan konsep iNaQ yang digagaskan melalui praktikal dan kefahaman dalam pelaksanaan aktiviti badan pelajar.
- 3.5 Menetapkan panduan kepada badan pelajar USIM berkenaan pelaksanaan aktiviti pelajar yang mematuhi prinsip dan nilai-nilai Islam.
- 3.6 Memperkasa Nilai-Nilai Teras USIM (Profesional, Efisyen, Alamiyyah, Amanah dan Muafakat) dalam aktiviti pelajar.

#### 4. TAKRIFAN

Tafsiran di bawah hendaklah diikuti iaitu:

- 4.1 “**USIM**” merujuk Universiti Sains Islam Malaysia
- 4.2 “**Badan Pelajar**” merujuk kepada persatuan/kelab pelajar yang ditubuhkan dan diluluskan oleh USIM;
- 4.3 “**iNaQ**” merujuk Integrasi Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli;
- 4.4 “**Ikhtilat**” merujuk kepada percampuran atau pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dalam sesuatu majlis atau aktiviti yang boleh membawa kepada fitnah atau perkara yang tidak diingini dari sudut syarak;

- 4.5 **“Maqasid Shariah”** ialah tujuan pensyariatan hukum Islam untuk memelihara kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat melalui tiga kategori: Dharuriyyat (memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, harta), Hajiyyat (memudahkan kehidupan), dan Tahsinat (menyempurnakan kehidupan).
- 4.6 **“Hifz al-Din”** Pemeliharaan agama merupakan objektif utama dalam Maqasid Shariah yang merujuk kepada usaha memelihara dan melindungi kesucian agama Islam serta memastikan pelaksanaan tuntutan agama dapat dilakukan dengan sempurna;
- 4.7 **“Hifz al-Nafs”** Pemeliharaan nyawa adalah prinsip Maqasid Shariah yang menekankan kepentingan menjaga keselamatan dan kesejahteraan nyawa manusia daripada sebarang bentuk kemudaratan atau bahaya;
- 4.8 **“Hifz al-Aql”** Pemeliharaan akal merupakan aspek Maqasid Shariah yang memfokuskan kepada usaha melindungi dan mengembangkan pemikiran serta minda manusia agar dapat berfungsi dengan baik dalam membuat pertimbangan yang wajar;
- 4.9 **“Hifz al-Nasl”** Pemeliharaan keturunan adalah prinsip Maqasid Shariah yang bertujuan untuk menjaga kesucian nasab dan maruah manusia dengan menghalang sebarang perkara yang boleh mencemarkan kehormatan diri dan keturunan;
- 4.10 **“Hifz al-Mal”** Pemeliharaan harta merujuk kepada prinsip Maqasid Shariah yang menekankan kepentingan menjaga dan menguruskan harta dengan cara yang halal serta menghindarkan pembaziran dan penyelewengan dalam urusan kewangan.

## **5. PENERAPAN iNaQ DALAM AKTIVITI PELAJAR**

### **5.1 INTEGRASI ILMU NAQLI DAN ILMU AQLI (iNaQ) DI USIM**

- 5.1.1 **Ilmu Naqli:** Ilmu yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah seperti Akidah, Fiqh dan Akhlak.

5.1.2 **Ilmu Aqli:** Ilmu yang bersumberkan olahan akal seperti Falsafah, Sains dan Bahasa.

5.1.3 **Definisi iNaQ:**

**Dari sudut bahasa:** Integrasi bermaksud gabungan atau paduan.

**Integrasi ilmu Naqli dan ilmu Aqli (iNaQ):** Paduan antara ilmu bersumberkan wahyu dan ilmu aqli yang membentuk insan yang bertakwa dan bertamadun.

## 5.2 **AKTIVITI BADAN PELAJAR SECARA UMUM**

Aktiviti-aktiviti Badan Pelajar USIM sama ada di dalam atau di luar USIM merangkumi teras-teras pembangunan pelajar seperti berikut:

- (a) Kepimpinan
- (b) Kesukarelawanan
- (c) Khidmat Komuniti
- (d) Kesukanan & kecergasan
- (e) Komunikasi & teknologi
- (f) Kesenian, kebudayaan & sosial
- (g) Keusahawanan
- (h) Kerohanian
- (i) Bimbingan dan kaunseling
- (j) Kebajikan
- (k) Perumahan pelajar
- (l) Pembangunan pelajar
- (m) Kemahiran insaniah
- (n) Kesihatan

### 5.3 SEBELUM PELAKSANAAN AKTIVITI

Antara penerapan iNaQ sebelum pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	PENERAPAN iNaQ
1.	Penyediaan Kertas Kerja dan Perancangan Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang aktiviti yang berimpak dan bersifat global kepada pembangunan pelajar dan bukan aktiviti berbentuk hiburan yang melalaikan.</li> <li>• Perancangan aktiviti mengambil kira faktor penting berlandaskan prinsip agama dan kebijaksanaan pengurusan masa.</li> <li>• Membuat penilaian risiko untuk memastikan sebarang potensi bahaya dapat dielakkan atau diatasi.</li> <li>• Merancang aktiviti yang mempromosi dakwah Islam atau memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan mengamalkan ajaran Islam.</li> <li>• Merancang aktiviti yang memberi ruang pelajar untuk pembelajaran berterusan, perkembangan intelektual, berfikir secara kritikal dan tanggungjawab sosial melalui aktiviti sukarelawan yang memberi manfaat kepada komuniti.</li> <li>• Memasukkan terjemahan ayat Al-Quran, Hadis atau kata-kata ulama' di dalam kertas kerja</li> </ul>
2.	Pembentukan Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan mesyuarat secara konsisten dan berkala.</li> <li>• Memilih orang yang berkemampuan dan sesuai memegang jawatan di dalam jawatankuasa.</li> <li>• Keputusan secara bersama (musyawarah dan muafakat) dan bukan atas kepentingan individu.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan bahasa yang sopan semasa mesyuarat.</li> </ul>
3.	Sumber Peruntukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjanaaan dan pendanaan dari sumber yang halal mengikut hukum syarak.</li> <li>• Efisyen dalam menggunakan sumber peruntukan.</li> <li>• Mematuhi peraturan USIM</li> </ul>
4.	Jemputan Panel/ Penceramah/ VIP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat kelulusan pengurusan tertinggi USIM/ Ketua Jabatan.</li> <li>• Menghantar jemputan kepada panel atau penceramah dengan lebih awal.</li> <li>• Tetamu yang dijemput tidak menjatuhkan imej USIM.</li> <li>• Membuat pengesahan kehadiran untuk mengelakkan pembaziran.</li> </ul>
5.	Pemilihan Tempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesuai dengan tujuan aktiviti/ majlis/ acara.</li> <li>• Sesuai dengan bilangan tetamu dan jemputan.</li> <li>• Mempunyai kemudahan untuk bersolat.</li> <li>• Memilih tempat yang tidak berisiko tinggi dan membahayakan atau mendedahkan kepada risiko kesihatan.</li> <li>• Bukan tempat yang dilarang hukum syarak.</li> </ul>
6.	Penetapan Kod Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian yang menutup aurat seperti yang ditetapkan syarak.</li> <li>• Bersolek tidak berlebih-lebihan.</li> <li>• Pakaian sesuai dengan acara yang diadakan</li> <li>• Mematuhi Etika Berpakaian Pelajar Berteraskan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli USIM.</li> </ul>

7.	Publisiti dan Media	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Promosi menerangkan dengan jelas objektif dan tujuan aktiviti yang akan dianjurkan.</li> <li>• Promosi tidak mengandungi unsur penipuan dan kekeliruan yang boleh mendatangkan fitnah kepada USIM.</li> </ul>
8.	Penasihat dan Penyelaras	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan nasihat dan pandangan daripada penasihat.</li> <li>• Peranan penasihat dalam penganjuran sesuatu aktiviti tidak diketepikan.</li> <li>• Menyediakan platform untuk berbincang yang mendorong kesejahteraan psikologi pelajar.</li> </ul>
9.	Aktiviti melibatkan yuran penyertaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan tiada unsur judi dalam pengurusan kewangan (yuran penyertaan sebagai hadiah kemenangan).</li> <li>• Kos penyertaan harus adil dan telus serta tiada penyelewengan.</li> <li>• Mendapatkan tajaan untuk pembelian hadiah.</li> </ul>
10.	Raptai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan tiada masalah berlaku.</li> <li>• Memastikan aktiviti berjalan seperti yang dirancang.</li> <li>• Bersedia dalam aspek teknikal dan protokol sekiranya perkara luar jangka berlaku.</li> </ul>

#### 5.4 SEMASA PELAKSANAAN AKTIVITI

Antara penerapan iNaQ semasa pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	PENERAPAN iNaQ
1.	Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Kebesaran Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerapan unsur kenegaraan dan jati diri dengan nyanyian lagu patriotik di awal aktiviti.</li> </ul>

2.	Lagu USIM Terus Maju	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan semangat kekitaan dan sayang kepada universiti dalam diri pelajar.</li> <li>• Menyemarakkan semangat USIM Cemerlang, USIM Disayang.</li> </ul>
3.	Bacaan doa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan aktiviti dengan memohon rahmat dan hidayah daripada Allah SWT.</li> </ul>
4.	Peranan Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab dan profesional dengan peranan yang diberi.</li> <li>• Menunjukkan imej USIM yang baik dan terpuji melalui nilai-nilai moral yang baik</li> </ul>
5.	Pengacara Majlis/ MC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan saluti yang tepat.</li> <li>• Menggunakan bahasa yang baik dan sopan.</li> <li>• Sindiran kepada mana-mana individu atau organisasi tidak diselitkan.</li> </ul>
6.	Masa dan Aturcara Majlis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi masa seperti yang telah ditetapkan dalam aturcara.</li> </ul>
7.	Pergaulan antara lelaki dan perempuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjaga ikhtilat ketika aktiviti dan tidak mendorong kepada fitnah atau perkara yang tidak diingini.</li> <li>• Penjagaan aurat dengan sempurna mengikut etika pakaian yang telah ditetapkan.</li> <li>• Menjaga batasan berlainan jantina untuk menghindari perbuatan yang tidak bermoral seperti zina dan pergaulan bebas.</li> <li>• Menjaga kehormatan dan maruah semua pihak.</li> <li>• Mengasingkan tempat penginapan mengikut jantina.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghindarkan berdua-duaan lelaki dan perempuan dalam keadaan mencurigakan dan boleh menimbulkan fitnah.</li> </ul>
8.	Tetamu jemputan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkenalkan tetamu jemputan.</li> <li>• Tetamu jemputan tidak dibiarkan menunggu lama tanpa layanan jawatankuasa (penyambut tetamu/moderator).</li> <li>• Menghindarkan bergurau atau melakukan sesuatu sehingga mengaibkan dan menjatuhkan maruah tetamu jemputan.</li> </ul>
9.	Azan dan Waktu Solat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhenti seketika ketika azan dilaungkan.</li> <li>• Peserta diberi ruang masa yang mencukupi untuk menunaikan kewajipan bersolat.</li> </ul>
10.	Harta dan barang peribadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi peringatan kepada jawatankuasa/ peserta/ tetamu agar barang peribadi dan barangan berharga yang lain sentiasa dijaga supaya tidak hilang atau rosak.</li> </ul>
11.	Gimik Majlis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gimik tidak berlebihan dan melibatkan kos yang tinggi.</li> <li>• Gimik yang bersesuaian dengan tema aktiviti.</li> </ul>
12.	Persembahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi Garis Panduan Persembahan Seni Berbudaya yang dikeluarkan oleh Pusat Kebudayaan USIM.</li> </ul>
13.	Keselamatan dan Aktiviti Berisiko	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai langkah keselamatan yang jelas.</li> <li>• Menyediakan prosedur dan perancangan kecemasan (perubatan dan bantuan).</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengisi Borang Persetujuan Menyertai Aktiviti Berisiko.</li> </ul>
14.	Penyediaan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daripada sumber yang halal dan bersih.</li> <li>• Dibekalkan oleh orang Islam.</li> <li>• Menyediakan makanan secukupnya sahaja dan tidak membazir.</li> </ul>
15.	Kepatuhan kepada peraturan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi peraturan USIM yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.</li> </ul>
16.	Bahan-bahan terlarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti tidak melibatkan sebarang bahan terlarang oleh undang-undang Malaysia dan syarak seperti minuman keras dan dadah atau sebarang bahan yang boleh merosakkan akal.</li> </ul>
17.	Pemberian Cenderamata	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian cenderamata yang berpatutan dan tidak membazir.</li> <li>• Memberi cenderamata yang bermanfaat.</li> </ul>
18.	Fotografi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghormati tetamu kehormat.</li> <li>• Gambar yang diambil hendaklah sopan.</li> <li>• Menceritakan keadaan sebenar (tidak mendatangkan kekeliruan dan fitnah).</li> <li>• Mendapatkan kebenaran bagi gambar bukan rasmi (<i>candid</i>)</li> </ul>
19.	Pengiring dan Pegawai Bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat kelulusan ketua jabatan.</li> <li>• Bertanggungjawab ketika berlaku kes-kes kecemasan.</li> <li>• Memberi nasihat dan menyelaras aktiviti dengan sempurna.</li> </ul>

20.	Inklusif dan mesra OKU	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan kemudahan fizikal kepada golongan inklusif dan OKU disediakan seperti lif, tandas khas dan ruang yang sesuai untuk mereka yang menggunakan kerusi roda.</li> <li>• Menyediakan jurubahasa isyarat.</li> </ul>
-----	------------------------	---

## 5.5 SELEPAS PELAKSANAAN AKTIVITI

Antara penerapan iNaQ selepas pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	PENERAPAN iNaQ
1.	Penyediaan Laporan Program dan Laporan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar laporan selepas dua (2) minggu dari tarikh aktiviti.</li> <li>• Laporan menceritakan hal sebenar ketika aktiviti dilaksanakan.</li> <li>• Laporan kewangan tidak mengandungi unsur penipuan seperti pengutipan wang tidak sah atau manipulasi dana.</li> <li>• Lebihan dana/ peruntukan yang tidak digunakan perlu dilaporkan.</li> <li>• Amanah dalam menguruskan kewangan aktiviti.</li> <li>• Pelaporan mengandungi cadangan penambahbaikan bagi penganjuran yang akan datang.</li> <li>• Memasukkan terjemahan ayat al-Quran, Hadis atau kata-kata ulama' di dalam laporan program.</li> </ul>
2.	Bayaran Kepada Pembekal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran tidak lewat.</li> <li>• Bayaran dibuat berdasarkan jumlah seperti yang dipersetujui kepada pembekal mengikut prosedur dan peraturan USIM yang berkuatkuasa.</li> </ul>

3.	Tuntutan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan kewangan tidak mengandungi unsur penipuan.</li> <li>• Berintegriti.</li> </ul>
4.	Mesyuarat post mortem	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.</li> <li>• Memberi penghargaan kepada jawatankuasa yang telah bekerja keras dalam menyempurnakan tugas.</li> <li>• Muhasabah dan berusaha untuk memperbaiki kesilapan yang dilakukan.</li> </ul>
5.	Ruang dan fasiliti yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ruang yang digunakan perlu dibersihkan dan dikemas semula</li> <li>• Fasiliti digunakan dengan cermat</li> </ul>

## 5.6 AMALAN iNaQ@AKTIVITI PELAJAR



**PUSAT HALEHWAL PELAJAR**  
Student Affairs Center  
Universiti Sains Islam Malaysia

# AMALAN iNaQ @AKTIVITI PELAJAR

SEBELUM

- Kertas Kerja: Elemen Al-Quran dan Hadis
- Penasihat Program: Bimbingan
- Jawatankuasa: Musyawarah
- Pendanaan/ Penjanaan: Sumber Halal
- Raptai: Persediaan Rapi

SEMASA

- Patriotisme: Menyanyikan Lagu Negaraku, Kebesaran Negeri Sembilan dan USIM Terus Maju
- Kerohanian: Basmalah dan bacaan doa
- Pergaulan: Menjaga ikhtilat
- Masa: Mematuhi aturcara dan menghormati waktu solat
- Makanan: Sumber halal dan tidak membazir
- Etika Pakaian: Menutup aurat

SELEPAS

- *Post-Mortem*: Muhasabah
- Laporan Aktiviti: Penambahbaikan berterusan
- Laporan Kewangan: Akauntabiliti
- Bayaran Pembekal: Menepati masa
- Penghargaan: Syukur

## 5.7 TERAS iNaQ DALAM AKTIVITI PELAJAR

### A) PERANCANGAN

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jal kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah buat secara tekun.”*  
(Riwayat Al Baihaqi)

#### Huraian:

#### **Perancangan dalam pelaksanaan aktiviti**

Sesungguhnya Allah swt sangat menuntut setiap individu apabila melakukan sesuatu perkara, dilakukan dengan terancang dan teliti.

### B) MUSYAWARAH

Surah Ali-‘Imran ayat 159:

*“... dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”*

#### Huraian:

#### **Konsep Musyawarah dalam Organisasi**

Syura merupakan elemen penting di dalam aktiviti berorganisasi bagi memastikan setiap keputusan adalah tepat hasil perbincangan yang efektif. Melalui syura perbincangan secara kolektif dapat dibuat, sekaligus dapat mengelakkan kepincangan berlaku.

### **C) HALAL**

Surah Al-Baqarah ayat 172:

*“Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah.”*

**Huraian:**

#### **Halal**

Ayat ini menjelaskan kewajiban mendapatkan sumber yang halal lagi baik yang merangkumi aspek makanan, kewangan dan lain-lain.

### **D) AMANAH**

Surah Al-Mukminun ayat 8:

*“Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.”*

**Huraian:**

#### **Pengurusan organisasi**

Dalam ayat ini Allah S.W.T menceritakan ciri-ciri orang yang beriman yang mana salah satu daripadanya orang yang menjaga amanah dan menunaikan janji.

### **E) PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN**

Surah al-Hasyr ayat18:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah. Sungguh, Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan”*

**Huraian:**

**Penambahbaikan Berterusan**

Mesyuarat *post-mortem* merupakan suatu mesyuarat yang penting diadakan selepas program selesai dilaksanakan. Melalui mesyuarat ini, jawatankuasa dapat menilai keberkesanan program, amalan terbaik, masalah dan kelemahan serta menggalakkan penambahbaikan berterusan secara tidak langsung meningkatkan kualiti program dan pelajar.

**5.9 PENERAPAN NILAI-NILAI TERAS USIM (AL-QAWIYY AL-AMIN) DALAM AKTIVITI PELAJAR**



## 5.10 PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM AKTIVITI PELAJAR (POSITIF-S)

<b>A<sup>+</sup>veS</b> Apa-apa sahaja perkataan positif yang bermula dari huruf S contohnya:		
<b>DIRI</b>	<b>ORGANISASI</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
SIKAP SKIL SISTEMATIK	SYURA STRATEGIK SIMBIOSIS SINERGI	SUKSES SYUKUR SEJAHTERA

## 5.11 KATA-KATA HIKMAH DALAM AKTIVITI PELAJAR

### **Ali bin Abi Talib**

*“Kebenaran tanpa perancangan akan dikalahkan oleh kebatilan berperancangan.”*

### **Buya Hamka**

*“Sebesar-besar atau seberat-berat urusan, jangan dihadapi dengan muka berkerut, kerut muka itu dengan sendirinya menambahkan lagi kerut pekerjaan itu.”*

## 6. PELANTIKAN JAWATANKUASA PANEL SYARIAH

6.1 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) akan melantik Pakar Syariah dalam tempoh tertentu (minimum satu tahun) bagi menasihati isu-isu syariah di kalangan pelajar serta memantau pelaksanaan garis panduan yang berkuatkuasa dan menjadi sumber rujukan kepada semua PTj di USIM berkaitan aktiviti pelajar.

## 7. PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN

Dalam pelaksanaan aktiviti pelajar, badan pelajar perlu merujuk kepada:

- a) Al-Quran, Hadis dan Ulama'
- b) Direktori Pembangunan Pelajar
- c) Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli USIM
- d) Garis Panduan Perekodan Program/Aktiviti Pelajar melalui Sistem Tullabiyyah
- e) Panduan Hal Ehwal Pelajar
- f) Peraturan Kewangan USIM yang berkuatkuasa

## 7. PENGUATKUASAAN

7.1 Garis Panduan Penerapan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) Dalam Aktiviti Pelajar telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS) Kali ke-35 Bil. 2/2025 pada 16 Mei 2025 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-967 Bil.25/2025 pada 22 Julai 2025.

7.2 Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai **22 Julai 2025**.

## 8. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Seksyen Kepimpinan

Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar

Pusat Hal Ehwal Pelajar

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tel : 06-798 6163/6159

Faks : 06-798 6154

Emel : [sharrazmi@usim.edu.my](mailto:sharrazmi@usim.edu.my)/ [munahayaati@usim.edu.my](mailto:munahayaati@usim.edu.my)/  
[pengarah.hep@usim.edu.my](mailto:pengarah.hep@usim.edu.my)